

# Kakitangan UMS-KAL perlu amalkan 7C

UB 19.04.2012 B4

LABUAN: Pegawai dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) perlu mengamalkan tujuh sikap atau 7C untuk meningkatkan prestasi kerjaya dan organisasi.

Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang berkata 7C itu ialah cepat, cekap, cermat, cerdik, creatif, communication dan champion perlu diamalkan oleh semua

warga universiti itu pada setiap hari.

Katanya, jika kaedah itu diamalkan, beliau yakin prestasi kakitangan dan organisasi mampu ditingkatkan bukan sahaja di peringkat Wilayah Persekutuan Labuan malahan ke peringkat nasional dan antarabangsa.

Beliau juga mahu kakitangan sentiasa bekerja dalam satu pasukan termasuk menghadiri pelbagai aktiviti dan program

anjuran universiti seperti gotong-royong, sukan dan majlis rasmi yang lain.

“Kalau kita semua mengamalkan sikap yang baik seperti ikhlas, hormat-menghormati dan amanah dalam menjalankan tugas, saya yakin nama dan imej UMS akan terus melonjak ke persada antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Sesi Bersama Pengarah sempena program Orientasi

Kakitangan UMS-KAL Siri 1/2012 di Dewan Theatrette, UMS-KAL kelmarin.

Turut hadir Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Pentadbiran, Musnin Mattersah, Penolong Pendaftar Unit Peperiksaan dan Kompetensi, Jabatan Pendaftar UMS, Joehan Joehari William dan urusetia program, Adrian Amatus.

Seramai 31 kakitangan baharu UMS-KAL menghadiri

program yang diadakan pada 17 dan 18 April dengan mendengar ceramah daripada Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohammad Tuah, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan, Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Musnin.

Turut menyampaikan ceramah ialah Penolong Pendaftar Unit Pembangunan Profesional, Victor Gondipon, Pustakawan Kanan, Baharin Entoh dan Pegawai Belia dan Sukan, Gabriel Moinjil.

Program dua hari itu bertujuan untuk memberi penerangan dan pendedahan kepada kakitangan baru mengenai wawasan, visi dan falsafah UMS.

Prof Dr Shariff juga mengingatkan kakitangan supaya sentiasa berbincang dengan ketua jabatan masing-masing supaya semua isu dan masalah dapat ditangani dan diatasi dengan baik tanpa menjelaskan nama baik dan imej universiti.

**PROF Dr Shariff (empat kiri), Musnin (tiga kiri) dan Joehan (limakanan) bersama kakitangan baharu yang menghadiri program Orientasi Kakitangan UMS Siri 1/2012.**

